

KHUTBAH JUMAAT

“SYAABAN PERSEDIAAN MENYAMBUT RAMADAN”

(23 Januari 2026M/ 4 Syaaban 1447H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْعَلِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ سَيِّدَنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أُولَى الْفَضْلِ الْعَظِيمِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita terus mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Laksanakanlah segala perintah-Nya, dan jauhilah segala larangan-Nya. Manfaatkan setiap hembusan nafas yang dianugerahkan untuk memperbanyakkan amal kebaikan dan mempertingkatkan kualiti ibadah bagi meraih keredaan Allah *subhanahu wata'ala*.

Jagalah adab solat Jumaat lebih-lebih lagi ketika khutbah disampaikan. Elakkan diri daripada berbual-bual dan bermain telefon bimbit serta hayatilah bicara khutbah yang disampaikan. Mudah-mudahan kita mendapat panduan dan ganjaran pahala yang sempurna. Pada hari ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk "**Syaaban Persediaan Menyambut Ramadan**".

Muslimin yang dirahmati Allah,

Kini, kita telah berada dalam bulan Syaaban. Ini bermakna bulan Ramadan akan menjelang tiba lebih kurang sebulan dari sekarang. Syaaban bukan sekadar masa peralihan antara bulan Rejab dan Ramadan, tetapi juga waktu terbaik bagi kita membuat persediaan, jasmani dan rohani, bagi menghidupkan bulan Ramadan al-Mubarak yang akan tiba.

Allah *subhanahu wata'ala* mengingatkan kita supaya bersegera dan tidak berlengah untuk melakukan amal ibadah. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Hasyr, ayat 18:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ ۖ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ (١٨)

Maksudnya: *Wahai orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah, dan hendaklah setiap diri melihat apa yang telah ia sediakan untuk hari esok (hari akhirat).*

Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* juga sentiasa mendorong kita agar mengambil kesempatan daripada peluang yang ada sekarang, tanpa berlengah-lengah, dan tidak menunggu hari esok untuk melakukan amal ibadah dan kebaikan. Daripada Ibn Abbas *radiallahu anhuma*, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((اِغْتَنِمْ خَمْسًا قَبْلَ خَمْسٍ: شَبَابَكَ قَبْلَ هَرَمِكَ، وَصِحَّتَكَ قَبْلَ سَقَمِكَ،
وَعِثَّتَكَ قَبْلَ فَقْرِكَ، وَفَرَاغَكَ قَبْلَ شُغْلِكَ، وَحَيَاتَكَ قَبْلَ مَوْتِكَ))

Maksudnya: *Gunakanlah dengan sebaik-baiknya lima perkara sebelum datang lima (yang lain): Masa mudamu sebelum datang masa tuamu, sihatmu sebelum datang sakitmu, kayamu sebelum datang fakirmu, waktu lapangmu sebelum datang waktu sibukmu dan hidupmu sebelum datang matimu.*

(Hadis riwayat Imam al-Hakim & Imam al-Baihaqi)

Ibnu Rajab al-Hanbali *rahimahullah* di dalam kitabnya *Lato'if al-Ma'arif* menceritakan bahawa :

"Sebahagian ulama salaf (iaitu generasi awal Islam) berkata bahawa mereka berdoa kepada Allah, enam bulan lebih awal agar dipertemukan dengan Ramadan, dan kemudian enam bulan selepasnya (Ramadan) pula mereka sibuk berdoa agar diterima segala ibadah mereka semasa Ramadan."

Muslimin yang dirahmati Allah,

Antara langkah baik yang boleh kita pertimbangkan bagi memanfaatkan bulan Syaaban sebagai persediaan menyambut bulan Ramadan ialah:

Pertama: Manfaatkan bulan Syaaban ini untuk mempertingkatkan amalan, seperti membaca al-Quran, berpuasa sunat, berzikir, memperbanyakkan solat sunat dan bersedekah. Semua amalan tadi adalah antara amalan yang digalakkan untuk kita memperbanyakkan untuk melakukannya pada bulan Ramadan nanti.

Para ulama silam menganggap bulan Syaaban sebagai bulan persiapan ahli al-Quran. Mereka akan mula memperbanyakkan

bacaan al-Quran di bulan Syaaban, supaya terbiasa dan lebih mudah diamalkan dan dipertingkatkan pada bulan Ramadan.

Begitu juga dengan anjuran berpuasa sunat pada bulan Syaaban adalah sebagai latihan agar kita tidak merasa lemah ketika berdepan dengan cabaran rohani dan jasmani pada bulan Ramadan nanti. Daripada Usamah bin Zaid *radiallahu anhu*, beliau berkata: "Wahai Rasulullah (*sallallahu alaihi wasallam*). Aku tidak pernah melihat engkau berpuasa dalam satu bulan sebagaimana engkau berpuasa di dalam bulan Syaaban. Nabi *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((ذَلِكَ شَهْرٌ يَغْفُلُ النَّاسُ عَنْهُ بَيْنَ رَجَبٍ وَرَمَضَانَ ، وَهُوَ شَهْرٌ تُرْفَعُ فِيهِ الْأَعْمَالُ إِلَى رَبِّ الْعَالَمِينَ ، فَأُحِبُّ أَنْ يُرْفَعَ عَمَلِي وَأَنَا صَائِمٌ))

Maksudnya: *"Itu adalah bulan yang mana manusia sering lalai akannya iaitu bulan yang berada di antara Rejab dan Ramadan. Bulan tersebut adalah bulan yang diangkat amalan-amalan kepada Rabb al-'Alamin (Allah subhanahu wata'ala), maka aku suka ketika amalanku diangkat dalam keadaan aku sedang berpuasa".*

(Hadis riwayat Imam al-Nasa'ie)

Ini juga merupakan satu cara kita melatih diri, supaya lebih bersedia mencurahkan segenap usaha dan tumpuan beramal di bulan Ramadan nanti, agar kemanisannya lebih terasa di dalam jiwa. Ini sesuai dengan anjuran Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*, supaya bulan Syaaban tidak kita lalaikan.

Kedua : Cari peluang untuk beramal pada waktu-waktu yang dilupakan manusia. Contohnya, di sepertiga malam yang terakhir, antara solat Maghrib dan Isyak, dan juga di bulan Syaaban ini. Inilah merupakan antara sebab mengapa Qiyamullail, iaitu beribadah di tengah malam ketika manusia lena dalam tidurnya, amat disukai oleh Allah *subhanahu wata'ala* dan rasul-Nya *sallallahu alaihi wasallam*. Daripada Amru bin 'Abasah *radiallahu anhu*, bahawa beliau telah mendengar Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((أَقْرَبُ مَا يَكُونُ الرَّبُّ مِنَ الْعَبْدِ فِي جَوْفِ اللَّيْلِ الْآخِرِ، فَإِنْ اسْتَطَعْتَ أَنْ تَكُونَ مِمَّنْ يَذْكُرُ اللَّهَ فِي تِلْكَ السَّاعَةِ فَكُنْ))

Maksudnya : Masa yang paling dekat antara Tuhan dan hamba-Nya adalah di penghujung malam. Jika engkau mampu menjadi salah seorang yang mengingati Allah pada waktu itu, maka jadilah (ingatlah Dia).

(Hadis riwayat Imam at-Tirmizi)

Ibn Rajab *rahimahullah* menjelaskan tiga sebab mengapa seorang Muslim digalakkan untuk beramal ketika manusia kurang peka:

Pertama: Amalan itu lebih tertutup daripada penglihatan manusia, membuktikan keikhlasan orang yang beramal.

Kedua: Ia lebih mencabar dan menguji keazaman diri, lalu menjanjikan ganjaran yang lebih besar.

Ketiga: Ia mengelakkan dan melindungi manusia daripada kemurkaan Tuhan.

Gunakanlah nikmat usia yang kita miliki sekarang ini dengan sebaiknya. Rebutlah setiap peluang untuk menambah bekal akhirat. Usah berlengah dalam melakukan kebaikan. Bangkitlah daripada kelalaian dan kealpaan. Carilah rahmat dan keredaan Tuhan. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* memberkati kita semua di bulan Syaaban, dan mempertemukan kita dengan bulan Ramadan.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Sebelum mengakhiri khutbah, marilah kita bersama-sama mengambil pengajaran dan penghayatan daripada khutbah ini, antaranya ialah:

Pertama: Syaaban adalah waktu terbaik memulakan usaha positif dalam amal ibadah secara konsisten sebagai persediaan menghidupkan bulan Ramadan yang menjelang tiba.

Kedua: Umat Islam hendaklah sentiasa berusaha untuk melakukan amal ibadah termasuklah pada waktu-waktu yang kebiasaannya dilupakan manusia seperti qiamullail dan memperbanyakkan ibadah di bulan Syaaban.

Ketiga: Ibadah yang dilaksanakan dengan ikhlas dan sabar akan diterima dan dibalas dengan ganjaran yang besar oleh Allah *subhanahu wata'ala*.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Aali Imran, ayat 133:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.

﴿٥﴾ وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ (١٣٣)

Maksudnya: Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu, dan (mendapat) Syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang yang bertaqwa;

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada musim cuaca tidak menentu ini, sama ada cuaca panas yang membawa suhu melampau, atau hujan lebat yang mengundang masalah banjir dan tanah runtuh, maka khatib menyeru agar kita sentiasa berwaspada dan mematuhi nasihat yang diberikan oleh pihak berkuasa dari masa ke masa.

Pada masa yang sama, teruslah istiqamah mengimarahkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu.

Perkukuhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati dan bekerjasama sesama masyarakat. Inilah asas kestabilan, kemakmuran dan keharmonian Sarawak dan negara kita, Malaysia. Pastikan rezeki yang kita perolehi adalah halal lagi baik, kerana makanan yang halal adalah sumber keberkatan hidup. Daripada Ibnu Abbas *radiallahu anhumma* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((... وَأَيُّمَا عَبْدٍ نَبَتَ لَحْمُهُ مِنَ السُّحْتِ وَالرِّبَا فَالنَّارُ أَوْلَى بِهِ))

Maksudnya: Sesiapa sahaja daripada kalangan manusia, dagingnya itu tumbuh dari perkara yang haram dan amalan riba, api nerakalah yang patut (untuk membakar dan menghilangkan) daging tersebut.

(Hadis riwayat Imam at-Tabarani)

Hidup beragama bukan hanya pada ibadah, tetapi juga dengan menjauhi perkara yang memudaratkan. Justeru, hendaklah kita menjauhkan diri dan keluarga daripada gejala penyalahgunaan dadah, perjudian dan segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan kita dan umat.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

Maksudnya: Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad *sallallahu alaihi wasallam*); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ
عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ
سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، فِي الْعَالَمِيْنَ، اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ.

وَارْضَ اللّٰهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِيْنَ الْمُهَدِّيْنَ، سَادَاتِنَا اَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ
وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِيْنَ لَهُمْ بِاِحْسَانٍ اِلٰى يَوْمِ الدِّيْنِ.
اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْاَمْوَاتِ. اِنَّكَ سَمِيْعٌ قَرِيْبٌ مُّجِيْبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Palestin. Kurniakanlah mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan. Angkatlah segala penderitaan, kesedihan, peperangan dan permusuhan daripada mereka dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih.

Ya Allah, Ya Ghaffaar, ampunilah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkanilah ilmu dan kemahiran yang bermanfaat kepada

mereka, suburkanlah jiwa mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji. Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

Ya Allah, Ya Hadi, Ya Hakim, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Hafiz, Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan umat yang terbilang dalam semua bidang yang kami ceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah. Kekalkanlah perpaduan kami atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesihatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala musibah, wabak dan bala yang tidak diingini.

اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي رَجَبٍ وَشَعْبَانَ وَبَلِّغْنَا رَمَضَانَ. رَبَّنَا أَتْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً
وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.
عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.